

Imej Binatang dalam Peribahasa Tamil: Satu Analisis Teori Relevans

Animal Images in Tamil Proverbs: A Relevance Theoretical Analysis

Shaarini Nair A/P Segaran

¹Siti Noraini Hamzah

Program Linguistik
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Correspondence email: ¹snoraini@ukm.edu.my

ABSTRAK

Bahasa merupakan satu fenomena kompleks yang menjadi dasar kepada interaksi manusia. Setiap bahasa adalah unik dari aspek bahasa termasuklah peribahasa. Peribahasa memberikan gambaran tentang kehidupan dan nilai sesuatu masyarakat. Bahasa Tamil juga mempunyai peribahasa yang pelbagai. Kajian ini merupakan kajian peribahasa Tamil yang berimejkan binatang dan dianalisis menggunakan teori Relevans. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama, iaitu mengenal pasti dan mengelaskan peribahasa Tamil berimejkan binatang berdasarkan unsur agama Hindu dan menganalisis makna peribahasa tersebut menggunakan teori Relevans. Metodologi kajian bersifat kualitatif dan dianalisis menggunakan teori Relevans. Teori Relevans yang digunakan mempunyai tiga elemen utama, iaitu konteks, kesan konteks (kesan kognitif) dan kos memproses. Hasil analisis berjaya mengenal pasti 20 peribahasa Tamil berimejkan binatang dari buku *A Classified Collection of Tamil Proverbs* dan *Tamil Proverbs Collection (over 6000) with Their English Translation* serta mengaitkannya kepada unsur agama Hindu seperti kehebatan, campur tangan, tidak bernilai, permusuhan, kebijaksanaan, keberanian, kasih sayang, balasan, disiplin dan berhati-hati. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa kebanyakan peribahasa Tamil berimejkan binatang berkait rapat dengan unsur kehebatan. Secara keseluruhannya, teori Relevans serta rangka rujuk silang yang digunakan sangat bersesuaian dan dapat menghuraikan makna sebenar peribahasa dengan lebih tepat.

Kata Kunci: Peribahasa, binatang, teori Relevans, rangka rujuk silang, Tamil

ABSTRACT

Human interactions are built upon language, a complicated phenomenon in every language, including its proverbs containing certain cultural norms and values. Proverbs are abundant in Tamil and this study examines Tamil proverbs that feature animals using Relevance theory. The three primary goals of this research are to categorize and identify Tamil proverbs that use animal imagery by aspects of Hinduism, and to use Relevance theory to interpret the meaning of the proverbs. This study's approach is qualitative, and Relevance theory is used for analysis. This study has three primary components of relevance theory: context, context effects, and processing costs. Twenty Tamil proverbs featuring animal images were successfully identified from the books *"A Classified Collection of Tamil Proverbs"* and *"Tamil Proverbs Collection (over 6000) with Their English Translation"*. The proverbs were then categorized into Hindu elements such as greatness, meddlesomeness, worthlessness, enmity, wisdom, courage, love, retribution, discipline, and caution. Interestingly, the results highlight how often greatness is linked to animal imagery in Tamil proverbs. Relevance Theory and the Bridging Cross Reference are crucial in comprehending the complex connotations included in these proverbs, providing important insights into the Tamil language and culture.

Keywords: Proverb, animal, Relevance theory, bridging cross reference, Tamil

1. Pengenalan

Bahasa merupakan fenomena kompleks yang menjadi asas interaksi manusia. Setiap individu di dunia ini menggunakan bahasa untuk berkomunikasi dengan individu lain, menyampaikan idea, meluahkan perasaan, dan memberikan maklumat. Bahasa bukan sahaja mempunyai fungsi tersebut tetapi juga mencerminkan identiti kebangsaan sesebuah masyarakat. Selain itu, bahasa juga boleh berfungsi sebagai penyatu dan pemisah, membolehkan individu membentuk ikatan sosial dan budaya. Dalam evolusi sejarah, bahasa telah menjadi asas kepada tamadun manusia yang telah mengubah pemikiran manusia. Setiap bahasa mempunyai keunikan tersendiri. Bahasa berbeza dari segi perbendaharaan kata, struktur sintaksis, dan perbezaan dalam sebutan. Hishamudin Isam et al. (2018) berpendapat bahawa bahasa bukan sahaja berfungsi untuk menyampaikan maklumat tetapi melakukan lebih daripada itu. Oleh itu, kajian bahasa perlu diperluaskan kepada aspek-aspek lain seperti peribahasa, falsafah dan budaya untuk mengkaji golongan yang bertutur dalam bahasa tersebut.

Menurut Junaini Kasdan & Julaina Nopiah (2021), budaya bahasa berkait rapat dengan kehidupan, dan manusia juga mempunyai keupayaan untuk memahami alam secara rasional dan menyampaikan idea dalam bentuk bahasa yang lain. Bahasa kiasan adalah salah satu cara orang menyampaikan fikiran mereka. Asmah Hj. Omar (2005) berpendapat bahawa dalam bahasa kiasan, sesuatu perkataan, frasa atau ayat mempunyai makna yang berbeza daripada makna literal bagi perkataan yang membentuknya. Peribahasa ialah sejenis bahasa kiasan yang digunakan oleh masyarakat. Peribahasa juga merupakan aspek yang sangat menarik untuk dipelajari dalam sesuatu bahasa. Setiap bahasa mempunyai peribahasa tersendiri sesuai dengan asal usul dan budaya sesuatu bangsa. Hal ini dikatakan kerana peribahasa biasanya dikaitkan dengan sesuatu yang berkaitan dengan bangsa tersebut. Menurut Siti Nur Izzaty Salit dan Norsimah Mat Awal (2017), peribahasa merupakan khazanah yang penting khususnya dalam bahasa Melayu dan menjadi alat penyampaian nasihat dan amaran dengan cara yang paling halus bagi mengelakkan orang yang mendengarnya berkecil hati.

Selain bahasa Melayu, bahasa Tamil adalah salah satu bahasa klasik dan kaya dengan budaya di dunia. Bahasa Tamil digunakan oleh masyarakat Tamil. Masyarakat Tamil tersebar luas di seluruh dunia, terutamanya di India, Sri Lanka, Malaysia dan Singapura. Seperti bahasa lain, bahasa Tamil juga mempunyai peribahasa Tamil yang merangkumi sinonim, perumpamaan, perumpamaan, dan peribahasa yang merupakan sebahagian daripada warisan masyarakat India. Warisan ini perlu dikekalkan agar tidak mengalami kepupusan pada masa hadapan. Menurut Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah Subet (2020), kajian peribahasa Tamil kurang diamalkan di Malaysia jika dibandingkan dengan kajian peribahasa Melayu. Oleh itu, pengkaji telah mengkaji secara menyeluruh maksud peribahasa Tamil berimejkan binatang. Kajian ini dianalisis menggunakan teori Relevans.

Maka dengan itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti, mengelaskan dan menganalisis makna peribahasa Tamil yang mengandungi imej binatang menggunakan teori Relevans dan pendekatan rangka rujuk silang.

2. Tinjauan Literatur

2.1 Kajian Teori Relevans

Berdasarkan kosa ilmu yang telah disenaraikan, terdapat banyak kajian lepas yang dilakukan berkaitan teori Relevans. Kajian teori Relevans yang dilakukan oleh Mary Fatimah Subet pada tahun 2018 adalah mengenai penggunaan teori Relevans dalam menganalisis metafora. Kajian

ini dilaksanakan menggunakan lima sajak. Selain itu, pada tahun 2023, Nurul Atiqah Md Yusof dan Siti Noraini Hamzah telah melakukan kajian yang bertajuk *Ujaran Implisit Dalam Filem Puteri Gunung Ledang* (2004): Analisis Teori Relevans. Kajian ini dilaksanakan hanya berdasarkan bahasa Melayu Klasik. Kajian yang bertajuk *Teori Relevans dalam Pembelajaran KOMSAS* telah dikaji oleh Srikandi Saemah Samaon dan Mary Fatimah Subet pada tahun 2020. Dalam kajian ini, pengkaji hanya mampu mengkaji satu novel KOMSAS bahasa Melayu. Kajian teori Relevans yang seterusnya bertajuk *Relevance Theory and Proverbs: Exploring Context Through Explicatures and Implicatures*. Kajian ini dilakukan pada tahun 2019 oleh Nicholas Toews. Kajian ini hanya mengkaji penggunaan teori Relevans dalam peribahasa Inggeris. Secara keseluruhannya, kajian lepas teori Relevans yang disenaraikan pada bahagian ini hanya tertumpu kepada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Bahasa Tamil belum pernah dikaji menggunakan teori Relevans.

2.2 Kajian Peribahasa

Terdapat juga beberapa kajian mengenai peribahasa yang dilaksanakan oleh pengkaji lepas. Kajian bertajuk *Padi dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif* yang dikaji oleh Junaini Kasdan dan Julaina Nopiah pada 2021. Dalam kajian ini, pengkaji mengkaji peribahasa Melayu yang mengandungi imej padi berdasarkan teori Relevans. Selain itu, Dinie Asyraf Salehan, Omrah Hassan @ Hussin dan Zaitul Azma Zainon Hamzah telah melaksanakan satu kajian yang bertajuk *Metafora Konsep Manusia ialah Haiwan dalam Peribahasa Melayu dan Perancis Berkaitan Metafora Haiwan Kesayangan* pada tahun 2018. Kajian ini hanya terbatas kepada bahasa Melayu dan Perancis serta mengenai metafora haiwan kesayangan. Tambahan pula, kajian ini menggunakan teori Metafora Konsep. Secara keseluruhannya, kajian lepas berkaitan dengan data peribahasa adalah berdasarkan imej padi dan metafora haiwan kesayangan. Kajian mengenai imej binatang dalam peribahasa Tamil masih lagi kurang diberi perhatian.

2.3 Kajian Bahasa Tamil

Kajian lepas yang berkaitan dengan penelitian bahasa Tamil turut dijadikan kosa ilmu. Antaranya ialah kajian yang bertajuk *Imej Tumbuhan dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif* dilakukan oleh Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, dan Muhammad Zaid Daud pada tahun 2019. Kajian ini adalah berdasarkan peribahasa Tamil tetapi hanya terbatas kepada peribahasa berimejkan tumbuhan dan kajian ini menggunakan Semantik Inkuisitif. Kajian seterusnya adalah bertajuk *Imej Tebu dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif*. Kajian ini dilakukan oleh Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah Subet pada tahun 2018. Pengkaji hanya membincangkan tiga data sahaja yang menggunakan imej tumbuhan tebu. Kajian ini juga menggunakan Semantik Inkuisitif. Seterusnya, monograf yang bertajuk *Semantic Change and Semantic Extension of Tamil Verbs* telah dihasilkan oleh Rajendran Sankaravelayuthan pada tahun 2021. Monograf ini hanya mengkaji perubahan semantik dan peluasan semantik kata kerja dalam bahasa Tamil. Secara keseluruhannya, kajian lepas yang berkaitan dengan bahasa Tamil hanya tertumpu

kepada peribahasa Tamil berimejkan tumbuhan dan menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif sahaja. Manakala monograf yang dirujuk pula hanya meneliti kata kerja dalam bahasa Tamil.

2.4 Kajian Imej Binatang

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa kajian lepas melihat imej binatang dalam peribahasa. Antaranya kajian yang dibuat oleh Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah Subet pada tahun 2020 dan Mohd Syukri Anwar dan Nor Hashimah Jalaluddin pada tahun 2021. Kajian Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah Subet (2020) melihat imej gajah (*yanai*) dalam peribahasa Tamil dan Mohd Syukri Anwar dan Nor Hashimah Jalaluddin (2021) melihat imej lipas dan katak dalam peribahasa Melayu. Kedua-dua kajian ini dianalisis secara tuntas menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif. Oleh hal yang demikian, kajian yang dibuat oleh pengkaji pula melihat imej binatang dalam peribahasa Tamil dan menggunakan teori Relevans dalam merungkai makna sebenar yang ingin disampaikan kepada penutur bahasa Tamil.

3. Metodologi dan Kawasan Kajian

3.1 Tata Cara Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data merupakan kunci utama untuk menghasilkan kajian ini. Kaedah ini melibatkan pengumpulan data yang berbentuk sekunder supaya data dapat dinilai secara lebih jelas mengikut kaedah analisis yang bakal dilakukan.

3.1.1 Sumber Sekunder

Menurut Sugiyono (2016), data sekunder merupakan sumber data yang berbentuk tidak langsung, diterima oleh pengumpul data, sama ada melalui orang lain atau melalui dokumen. Contoh data sekunder termasuklah sumber dari perpustakaan seperti buku, internet dan kajian-kajian lepas. Nurul Atiqah Md Yusof dan Siti Noraini Hamzah (2023) menyatakan bahawa sumber data sekunder merupakan sumber data pelengkap yang berfungsi melengkapi data yang diperlukan data primer. Mereka juga menyatakan bahawa data yang diperoleh daripada kajian-kajian lepas boleh dijadikan rujukan oleh pengkaji untuk melaksanakan kajian tetapi data tersebut haruslah data yang masih lagi relevan dan bersesuaian dengan perkembangan teori atau pendekatan terkini.

3.1.1.2 Analisis Data

Hasil analisis data, didapati bahawa imej binatang yang ditemui dalam peribahasa Tamil sangat berkait rapat dengan keagamaan Hindu. Setelah mengenal pasti imej binatang dalam peribahasa yang dikaji, pengkaji telah mengkategorikan imej tersebut kepada beberapa unsur. Hal ini kerana, imej binatang yang digunakan dalam peribahasa Tamil berhubungan dengan kehidupan seharian masyarakat Tamil. Antara unsur-unsur yang telah dikenal pasti ialah:

- i. Kehebatan
- ii. Campur tangan
- iii. Tidak bernilai
- iv. Permusuhan
- v. Kebijaksanaan
- vi. Keberanian
- vii. Kasih sayang
- viii. Balasan
- ix. Disiplin
- x. Berhati-hati

4. Analisis dan Dapatan Kajian

Pengkaji menganalisis data yang telah didapati daripada *A Classified Collection of Tamil Proverbs* bagi mencapai objektif kajian. Objektif kajian pertama mengenal pasti peribahasa Tamil yang mengandungi imej binatang. Proses ini dilakukan dengan meneliti peribahasa Tamil dalam buku yang dinyatakan. Selepas itu, pengkaji menyenarai peribahasa yang mengandungi imej binatang.

Objektif kedua adalah mengelaskan peribahasa Tamil yang mengandungi imej binatang berdasarkan unsur keagamaan Hindu. Pengkaji membahagikan setiap peribahasa yang digunakan dalam kajian ini kepada beberapa unsur. Unsur-unsur ini merupakan beberapa kategori yang lazimnya terdapat dalam peribahasa Tamil.

Objektif ketiga kajian ini adalah menganalisis makna peribahasa Tamil yang mengandungi imej binatang menggunakan teori Relevans. Bagi mencapai objektif ini, pengkaji menganalisis peribahasa Tamil menggunakan tiga elemen utama teori Relevans iaitu konteks, kesan konteks (kesan kognitif) dan kos memproses. Selepas itu, pengkaji menganalisis menggunakan pendekatan rangka rujuk silang bagi memperkukuhkan penggunaan teori Relevans. Menurut Nurul Atiqah Md Yusof dan Siti Noraini Hamzah (2023), banyak pengkaji jarang mengaplikasikan pendekatan rangka rujuk silang untuk mengkaji ujaran implisit, sebaliknya, kebanyakan tertumpu pada penggunaan teori Relevans. Sekiranya terdapat pengkaji yang menggunakan rangka rujuk silang, mereka cenderung untuk menggabungkannya dengan semantik Inkuisitif, yang berbeza dengan fokus pengkaji sebelumnya. Apabila kedua-dua teori dan pendekatan ini digunakan dalam analisis ujaran implisit seperti peribahasa, pengkaji melakukan tafsiran dan kajian mendalam untuk menghurai data tersebut dan menyampaikan mesej sebenar yang ingin disampaikan.

4.1 Pengkategorian Data Berdasarkan Unsur Agama dalam Masyarakat Tamil

Pengkaji mengkategorikan peribahasa Tamil kepada beberapa unsur yang telah dikenal pasti berdasarkan data yang digunakan. Antaranya ialah:

I. Unsur Kehebatan

JADUAL 1: Data Unsur Kehebatan

BIL	PERIBAHASA TAMIL	ERJEMAHAN LANGSUNG	MAKNA LITERAL
1	<i>Yaanaikkum adi sarukkum</i>	Gajah pun akan tergelincir	Sehebat mana pun seseorang itu, masih akan melakukan kesilapan dalam kehidupan
2	<i>Puli pasitaalum pullu thinnumma?</i>	Adakah harimau yang lapar akan makan rumput?	Orang yang hebat atau baik tidak akan pernah berhenti untuk apa yang bermakna.
3	<i>Singathin kaatai sirunari valaitaar pola</i>	Seperti musang kecil cuba mengambil alih hutan singa	Seseorang yang kuat tidak boleh dikalahkan oleh seseorang yang lemah atau seseorang yang kurang kuat
4	<i>Singam pasitaal theraiyai pidikuma?</i>	Adakah singa menangkap kodok semasa lapar?	Seorang yang berani tidak akan memilih musuh yang lemah, seseorang akan meletakkan sasaran yang memuaskan keberanian
5	<i>Yaana settaalum aayiram pon</i>	Gajah hidup pun seribu emas, mati pun seribu emas	Tidak kira seseorang itu hidup atau mati, nilai mereka tetap sama
6	<i>Puliku piranthathu poonaiyai poguma</i>	Adakah untuk harimau lahirnya kucing	Anak seseorang yang mempunyai bakat yang tinggi, tentu akan ada bakat yang sama
7	<i>Uyara uyara paranthaalum uurkuruvi parunthaagathu</i>	Walaupun burung pipit terbang setinggi-tingginya, ia tidak boleh menjadi seperti helang	Seseorang yang tidak layak tidak boleh mencapai matlamat yang sama dengan seseorang yang layak

II. Unsur Campur Tangan (Meddlesomeness)

JADUAL 2: Data Unsur Campur Tangan

BIL	PERIBAHASA TAMIL	ERJEMAHAN LANGSUNG	MAKNA LITERAL
1	<i>Kurangukku buttisolli thuukunangkuruvi kuundu elanthathu</i>	Seperti burung <i>loxia</i> kehilangan sangkar kerana menasihati monyet	Seseorang menghadapi kerugian akibat menasihati orang jahat.
2	<i>Thuukunangkuruvi kurangukku butti sonnathu pola</i>	Seperti burung tempua menasihati monyet	Seseorang membazirkan masa dengan menasihati seseorang yang tidak akan mendengar

Sumber: *A classified collection of Tamil proverb* (1897)

III. Unsur Tidak Bernilai (Worthless)

JADUAL 3: Data Unsur Tidak Bernilai

BIL	PERIBAHASA TAMIL	TERJEMAHAN LANGSUNG	MAKNA LITERAL
1	<i>Kuranggu kaiyil kidaitha poomaalai pola</i>	Seperti monyet mendapat kalung bunga	Seseorang merugikan atau melakukan kesilapan walaupun memiliki sesuatu yang sangat bernilai
2	<i>Akkarai maaddukku ikkarai paccai</i>	Sebelah tanah itu lebih hijau daripada sisi in bagi seekor lembu	Apa yang tidak boleh dicapai akan sentiasa kelihatan lucu dan jauh lebih baik daripada apa yang ada.

Sumber: *A classified collection of Tamil proverb* (1897)

IV. Unsur Permusuhan

JADUAL 4: Data Unsur Permusuhan

BIL	PERIBAHASA TAMIL	ERJEMAHAN LANGSUNG	MAKNA LITERAL
1	<i>Naaiyum poonaiyum pola</i>	Seperti anjing dan kucing	Orang yang selalu bertengkar
2	<i>Paambum keeriyum pola</i>	Seperti ular dan cerpelai	Orang yang selalu bergaduh
3	<i>Eliyum poonaiyum pola</i>	Seperti tikus dan kucing	Persaingan atau pertentangan antara dua pihak

Sumber: *A classified collection of Tamil proverb* (1897)

V. Unsur Kebijaksanaan

JADUAL 5: Data Unsur Kebijaksanaan

BIL	PERIBAHASA TAMIL	ERJEMAHAN LANGSUNG	MAKNA LITERAL
1	<i>Paambin kaal paambariyum</i>	Hanya seekor ular yang mengetahui jejak yang ditinggalkan oleh ular lain	Orang yang terlibat dalam aktiviti yang serupa lebih mengenali antara satu sama lain daripada orang lain

Sumber: *A classified collection of Tamil proverb* (1897)

VI. Unsur Keberanian

JADUAL 6: Data Unsur Keberanian

BIL	PERIBAHASA TAMIL	ERJEMAHAN LANGSUNG	MAKNA LITERAL
1	<i>Puli pathungguvathu paaiyathan</i>	Harimau bersembunyi untuk menyerang	Seseorang yang sebenarnya kuat dan berani menyembunyikan kekuatannya dan berusaha secara diam-diam untuk mencapai sesuatu matlamat.

Sumber: *A classified collection of Tamil proverb* (1897)

VII. Unsur Kasih Sayang

JADUAL 7: Data Unsur Kasih Sayang

BIL	PERIBAHASA TAMIL	ERJEMAHAN LANGSUNG	MAKNA LITERAL
1	<i>Aadu pagaiyum, kutti uravum</i>	Bermusuhan dengan kambing, tetapi mempunyai hubungan dengan anak kambing	Seseorang yang tidak baik dengan ibu bapa, tetapi menyayangi anak-anak ibu bapa tersebut

Sumber: *A classified collection of Tamil proverb* (1897)

VIII. Unsur Balasan

JADUAL 8: Data Unsur Balasan

BIL	PERIBAHASA TAMIL	ERJEMAHAN LANGSUNG	MAKNA LITERAL
1	<i>Aadi karakkura maddai aadi karakka vendum, paadi karakkura maddai paadi karakka vendum</i>	Lembu yang perlu diperah susu dengan tarian perlu diperah dengan menari, lembu yang perlu diperah susu dengan nyanyian perlu diperah dengan menyanyi	Sesuaikan diri dengan sifat seseorang atau keadaan yang anda perlu hadapi.

Sumber: *A classified collection of Tamil proverb* (1897)

IX. Unsur Disiplin

JADUAL 9: Data Unsur Disiplin

BIL	PERIBAHASA TAMIL	ERJEMAHAN LANGSUNG	MAKNA LITERAL
-----	------------------	--------------------	---------------

1	<i>Adiyaatha maadu padiyaathu</i>	Lembu yang tidak dipuku tidak akan pergi ke arah yang betul	Ketegasan diperlukan dalam memberi arah baik kepada lembu maupun manusia.
---	-----------------------------------	---	---

Sumber: *A classified collection of Tamil proverb* (1897)

X. Unsur Berhati-hati

JADUAL 10: Data Unsur Berhati-hati

BIL	PERIBAHASA TAMIL	ERJEMAHAN LANGSUNG	MAKNA LITERAL
1	<i>Yaanaai varum pinne, mani osai varum munne</i>	Gajah datang belakang/selepas loceng bunyi datang hadapan/sebelum	Kita akan mendapat amaran atau tanda-tanda sebelum menghadapi sesuatu kecelakaan

Sumber: *A classified collection of Tamil proverb* (1897)

4.2 Perbincangan

Penganalisan data dibuat hanya menumpukan kepada dua unsur yang telah dikenal pasti iaitu, unsur kehebatan dan tidak bernilai.

4.2.1 Unsur Kehebatan

Unsur kehebatan dalam masyarakat Tamil sering digambarkan melalui imej gajah dalam peribahasa Tamil. “Gajah” memberi gambaran atau sifat-sifat yang menjurus kepada tersanjung dan terhormat. Masyarakat Tamil juga menggaitkan sifat gajah dengan unsur keberanian, kebijaksanaan, ketabahan dan kesetiaan. Pemilihan imej binatang dalam peribahasa ini lazimnya berkait rapat dengan sifatnya tersendiri yang selaras dengan sifat manusia yang ideal dalam pandangan budaya Tamil. Peribahasa menjadi satu saluran penting untuk mengukuhkan identiti budaya dan moral kolektif. Jadual di bawah memaparkan hasil analisis peribahasa yang berimej gajah:

JADUAL 11: Analisis Unsur Kehebatan

ANALISIS TEORI RELEVANS		
Data: <i>Yaanaikkum adi sarukkum</i>		
KOD	INFERENS	ANDAIAN
<i>Yaanaikkum adi sarukkum</i>	<i>Yaanaai</i> (Gajah): binatang besar berkak empat serta mempunyai belalai dan banyak juga yang bergading <i>-kkum</i> (pun): juga <i>adi</i> (langkah): gerak kak ketika berjalan (ke hadapan atau ke belakang) <i>sarukkum</i> (tergelincir) tergeluncur, tergeser kerana licin	1. Gajah jatuh tergelincir 2. Orang perkasa pun tergelincir 3. Sehebat mana pun seseorang itu, masih akan melakukan kesilapan dalam kehidupan

Sumber: *A classified collection of Tamil proverb* (1897)

Berdasarkan jadual 11, peribahasa “*yaanaikkum adi sarukkum*” merujuk kepada seekor gajah yang jatuh tergelincir. Dengan pengetahuan yang sedia ada, pemahaman makna konteks pembaca dapat mentafsir

tindakan seekor gajah melalui leksikal “*adi sarukkum*” yang merujuk kepada perbuatan tersilap langkah.

Peribahasa ini menghasilkan kesan kognitif kepada pembaca dan menghasilkan andaian implikatur seperti (1) gajah jatuh tergelincir, (2) orang perkasa pun tergelincir, (3) sehebat mana pun seseorang itu, masih akan melakukan kesilapan dalam kehidupan. Jelaslah, berdasarkan makna peribahasa tersebut, pembaca dapat membuat kesimpulan implikatur bahawa “sehebat mana pun seseorang itu, masih akan melakukan kesilapan dalam kehidupan”. Hal ini kerana ‘gajah’ yang dilambangkan dengan kehebatan, kekuatan tidak lari daripada melakukan kesilapan atau kesalahan. Dengan kata lain, seseorang yang hebat, kuat, berkuasa tetap akan membuat kesilapan dalam kehidupan masing-masing. Andaian ini dapat dikukuhkan lagi dengan pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) seperti berikut:

“*Yaanaikkum adi sarukkum*”



Makna: Sehebat mana pun seseorang itu, masih akan melakukan kesilapan dalam kehidupan

Berdasarkan rangka rujuk silang, peribahasa “*Yaanaikkum adi sarukkum*” menyatakan perbuatan seekor gajah jatuh tergelincir. Peribahasa ini membawa maksud sehebat mana pun seseorang itu, masih akan melakukan kesilapan dalam kehidupan. Dalam agama Hindu, gajah dijadikan sebagai salah satu simbol kehebatan. Oleh itu, dengan bantuan rangka rujuk silang, dapatlah dibuktikan bahawa “*yaanaikkum*” (gajah pun) menunjukkan padanan kepada domain sehebat manapun seseorang itu. Leksikal “*adi sarukkum*” pula menunjukkan domain melakukan kesilapan dalam kehidupan. Menurut Nurul Atiqah Md Yusof dan Siti Noraini Hamzah (2023), pengaplikasian rangka rujuk silang dalam menentukan padanan makna dan elemen amat berkait rapat dengan pemahaman pembaca tentang ensiklopedia peribahasa tersebut. Jika pembaca kurang memahami leksikal yang terdapat dalam peribahasa, maka pemadanan RRS sukar untuk dihasilkan. Zarina Tajuddin dan Anida Saruddin (2018) pula menyatakan bahawa keberkesanan tafsiran makna yang betul dipengaruhi oleh peranan kognisi pendengar. Oleh itu, rangka rujuk silang hanya membantu pendengar mengaitkan dan memadankan perkataan yang sesuai berdasarkan pemahaman tentang leksikal yang terkandung dalam sesuatu peribahasa.

Berdasarkan pemahaman sedia ada pembaca terhadap leksikal tambahan atau maklumat anteseden seperti “*-kkum*” (pun) dapat memberi kesan kognitif kepada pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana perkataan ini memberi nuansa atau makna tambahan pada peribahasa tersebut. Dalam kes ini, “*-kkum*” (pun) menunjukkan persamaan atau hubungan antara perkara yang disebut sebelum, iaitu “*yaanai*” (gajah) dan perkara yang disebut selepas, iaitu “*adi sarukkum*” (tergelincir langkah). Peribahasa “*yaanaikkum adi sarukkum*” mempunyai kesan konteks yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana peribahasa ini membawa maksud yang

mendalam tentang konsep keadilan, tanggungjawab dan akibat daripada perbuatan seseorang. Dalam beberapa situasi penting, peribahasa ini boleh digunakan untuk menyampaikan mesej tentang kepentingan seseorang mempunyai tanggungjawab terhadap tindakan dan bersedia menerima akibat yang mungkin timbul daripada tindakan tersebut. Oleh itu, peribahasa ini cenderung mempunyai kesan konteks yang tinggi.

4.2.2 Unsur Tidak Bernilai

Unsur tidak bernilai dalam konteks peribahasa Tamil sering menggambarkan sesuatu keadaan atau perkara yang tidak mendatangkan faedah atau kepentingan sama ada secara praktikal dan moral. Dalam masyarakat Tamil, peribahasa ini digunakan sebagai satu kaedah menunjukkan kearifan seseorang dan kefahaman budaya mengenai kepentingan sumbangan dan nilai sesuatu dalam kehidupan seharian. Masyarakat Tamil menggunakan peribahasa ini untuk mendidik, menasihati dan memberi amaran kepada individu tentang tingkah laku atau situasi yang dianggap tidak membantu atau membahayakan. Justeru, unsur tidak bernilai dalam peribahasa Tamil digambarkan dengan imej “monyet” dan berfungsi sebagai alat pedagogi untuk mengarahkan anggota masyarakat ke arah kehidupan yang lebih produktif dan bermakna. Hal ini dapat digambarkan dalam penghuraian di bawah.

JADUAL 12: Analisis Unsur Tidak Bernilai


ANALISIS TEORI RELEVANS		
Data: <i>Kuranggu kaiyil kidaitha poomaalai pola</i>		
KOD	INFERENS	ANDAIAN
<i>Kuranggu kaiyil kidaitha poomaalai pola</i>	<i>Kuranggu</i> (Monyet): sejenis binatang yang hampi sama dengan kera.	1. Seperti kera mendapa bunga
	<i>kaiyil</i> (Tangan): anggota tubuh dari kepala bahu sampa ke hujung jari anggota tubuh dari pergelangan tangan sampai ke hujung jari	2. Seseorang yang tidak tahu menilai pemberian orang lain 3. Seseorang melakukan kesilapan walaupun memiliki sesuatu yang sangat bernilai
	<i>kidaitha</i> (Dapat): menerima sesuatu	
	<i>poomaalai</i> (Bunga): bahagian tumbuhan yang tumbuh-tumbuhan yang biasanya berwarna-warni.	
	<i>pola</i> (Bagai): Seperti	

Sumber: *A classified collection of Tamil proverb* (1897)

Berdasarkan jadual 12, peribahasa “*kuranggu kaiyil kidaitha poomaalai pola*” merujuk kepada situasi seekor monyet mendapat kalung bunga. Dengan pengetahuan yang sedia ada, pemahaman makna konteks pembaca dapat mentafsir seekor monyet melalui leksikal “*kidaitha poomaalai*” yang berpadanan dengan mendapat kalung bunga.

Peribahasa ini menghasilkan kesan kognitif kepada pembaca dan menghasilkan andaian implikatur, iaitu (1) seperti kera mendapat bunga, dan (2) seseorang yang tidak tahu menilai pemberian orang lain. Jelaslah, berdasarkan makna peribahasa tersebut, pembaca dapat membuat kesimpulan implikatur bahawa “seseorang yang tidak tahu menilai pemberian orang lain”. Imej ‘monyet’ dalam peribahasa ini memberi gambaran seseorang yang tidak tahu berterima kasih, bersyukur, dan menghargai orang lain. Andaian ini dapat dibukti dengan bantuan analisis Rangka Rujuk Silang (RRS) seperti berikut:

“Kuranggu kaiyil kidaitha poomaalai pola”



Makna: **Seseorang merugikan atau melakukan kesilapan walaupun memiliki sesuatu yang sangat bernilai**

Berdasarkan rangka rujuk silang, peribahasa “*kuranggu kaiyil kidaitha poomaalai pola*” menyatakan situasi di mana seekor monyet mendapat kalung bunga. Peribahasa ini membawa maksud seseorang merugikan atau melakukan kesilapan walaupun memiliki sesuatu yang sangat bernilai. Menurut laman sesawang Hinduwebsite.com, Jayaram V (1999)

menyatakan bahawa kisah *Panchatantra* dan *Jataka* mengandungi banyak cerita yang menggunakan monyet sebagai watak utama. Mereka menunjukkan sifat monyet yang berubah-ubah, sifat nakal, kurang budi bicara, dan tingkah laku dungu. Oleh itu, dengan bantuan rangka rujuk silang, dapatlah dibuktikan bahawa “*kuranggu*” (monyet) menunjukkan padanan kepada domain seseorang merugikan atau melakukan kesilapan. Leksikal “*pomaalai*” pula menunjukkan domain sesuatu yang sangat bernilai.

Berdasarkan pemahaman sedia ada pembaca terhadap maklumat anteseden seperti “*kuranggu*” (monyet) dapat memberi kesan kognitif kepada pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam peribahasa “*kuranggu kaiyil kidaitha poomaalai pola*”, perkataan “*kuranggu*” adalah anteseden, yang memberikan penerangan kepada perkataan “*pomaalai*”. Dalam erti kata lain, “*kuranggu*” memberikan maklumat tambahan tentang sesuatu yang bernilai yang berada pada tangan orang kerdil. Hal ini secara langsung mewujudkan gambaran yang lebih jelas dalam fikiran pendengar atau pembaca. Peribahasa “*kuranggu kaiyil kidaitha poomaalai pola*” mempunyai kesan konteks yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana peribahasa ini membawa maksud yang mendalam tentang konsep situasi di mana seseorang mendapat sesuatu yang berharga tetapi tidak dapat menghayati atau menggunakannya dengan baik.

Dalam situasi yang penting, peribahasa ini boleh dianggap mempunyai konteks yang tinggi kerana ia mencerminkan idea tentang tanggungjawab, nilai moral, atau kebijaksanaan dalam menghargai apa yang telah diberikan. Oleh itu, dalam konteks peribahasa ini, pemahaman dan tafsiran yang mendalam diperlukan untuk merangkumi pengertian penghayatan, hikmah dan nilai moral yang lebih luas yang mungkin tersirat di dalamnya.

5. Rumusan dan Cadangan

Secara kesimpulannya, penggunaan peribahasa bukanlah sesuatu yang baru dalam sesuatu masyarakat termasuklah masyarakat Tamil kerana telah menjadi sebahagian daripada warisan budaya dan pertuturan harian sejak zaman dahulu lagi. Setiap peribahasa membawa kepada mesej dan peringatan yang mendalam. Peribahasa menggunakan simbol seperti binatang untuk memberikan sesuatu mesej, mengindahkan bahasa, dan melambangkan nilai-nilai tertentu dalam sesebuah masyarakat. Peribahasa juga memperkaya komunikasi dalam sesebuah masyarakat termasuklah masyarakat Tamil. Menurut kajian ini, kebanyakan peribahasa Tamil yang berimejkan binatang adalah mengenai unsur kehebatan. Misalnya, 'gajah' dan 'harimau' menjadi simbol kehebatan dalam masyarakat Tamil.

Selain itu, penggunaan teori Relevans (TR) dan rangka rujuk silang (RRS) dalam kajian ini juga dapat memberi ilmu tambahan tentang bagaimana sesuatu peribahasa dianalisis mengikut makna dan konsep asal. Kesilapan menganalisis peribahasa Tamil berimejkan binatang berpeluang mengakibatkan peribahasa tersebut tidak menyampaikan mesej yang sebenar. Peribahasa berimejkan binatang dalam bahasa Tamil memainkan peranan yang mendalam dalam aspek seperti konteks budaya, nilai moral, dan pengalaman kolektif masyarakat Tamil. Aspek-aspek tersebut merupakan antara perkara yang ditekankan dalam kajian, di samping memastikan pendengar atau pembaca memahami mesej dan isi sebenar yang disampaikan melalui peribahasa tersebut.

Penjelasan yang diberikan dalam kajian ini sebenarnya dapat membuka mata orang ramai, pengulas, pembaca atau sesiapa sahaja yang ingin memahami dengan lebih mendalam tentang peribahasa Tamil berimejkan binatang. Bukan itu sahaja, kajian ini juga menunjukkan peribahasa Tamil tradisional mempunyai strategi tersendiri dalam menyampaikan teladan dan pengajaran yang baik dengan menggunakan imej binatang yang mengandungi maksud tersirat, serta menunjukkan kekayaan dan kedalaman budaya Tamil. Teladan dan pengajaran yang disampaikan melalui peribahasa ini bukanlah perkara yang menarik perhatian tetapi amat berguna untuk generasi akan datang, memperkayakan pemahaman mereka tentang nilai murni dan etika yang dihargai dalam masyarakat Tamil.

Rujukan

- Abdul Razak Abdul Karim. (1994). *Rujukan Lengkap Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2005). Budaya dan bahasa kiasan. *Jurnal Peradaban Melayu*.
- Crawford, J. & Irving, C. (2009). Information literacy in the workplace: A qualitative exploratory study. *Journal of Librarianship and Information Science*, 41: 29-38.
- Dinie Asyraf Salehan, Omrah Hassan @ Hussin & Zaitul Azma Zainon Hamzah.

- (2018). Metafora konsep MANUSIA IALAH HAIWAN dalam peribahasa Melayu dan Perancis berkaitan metafora haiwan kesayangan. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6 (3): 17-27.
- Djamaris Edward. (1985). Memahami dan Menghargai Peribahasa. *Jurnal Dewan Bahasa* 29(5):338-344.
- Dr. K. Kalyanasundaram. (2019). Tamil Proverbs Collection (over 6000) with Their English Translation - part 1 (first 3000). *Project Madurai*.
- Dr. K. Kalyanasundaram. (2019). Tamil Proverbs Collection (over 6000) with Their English Translation - part 2 (second 3000). *Project Madurai*.
- F.R. Palmer. (1981). *Semantics*. Edisi Kedua. Cambridge University Press. Hornby. 1985. Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English. Oxford University Press, 720-768.
- Jayaram V. (1999). The Sacred Animals of Hinduism. https://www.hinduwebsite.com/hinduism/essays/sacred-animals-of-hinduism.asp#google_vignette
- Junaini Kasdan & Julaina Nopiah. (2021). Padi dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(1): 59-72.
- Kamus Dewan. (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mary Fatimah Subet. (2018). Analisis Teori Relevans dalam Metafora. *Jurnal Bahasa*, 18(1): 159-188.
- Mohd Syukri Anwar & Nor Hashimah Jalaluddin. (2021). Lipas Dan Katak Dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 25(2): 33-49.
- Moleong, Lexy J. (2007). *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Penerbit PT Remaja Rosdakarya Offset, Bandung.
- Nicholas Toews. (2019). Relevance Theory And Proverbs: Exploring Context Through Explicatures And Implicatures. *Trinity Western University*.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1991. Keimplisitan ujaran: satu analisis teori Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa* 6: 474-483.
- Nor Hashimah & Junaini Kasdan. (2010). Remaja Malaysia dan Peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 10 (Edisi Khas): 158-172.
- Nurul Atiqah Md Yusof & Siti Noraini Hamzah. (2023). Ujaran Implisit Dalam Filem Puteri Gunung Ledang (2004): Analisis Teori Relevans. *PERSADA Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia*. 527-551.
- Rajendran Sankaravelayuthan. (2021). *Semantic Change and Semantic Extension of Tamil Verbs*, Deccan College Post-graduate and Research Institute, Pune.
- Rev. Herman Jensen. (1997). *A classified collection of Tamil proverbs*. The Methodist Episcopal Publishing House.
- Sellvaraj, J. D., & Annamalai, M. D. M. (2019). Rumpai dalam Peribahasa Tamil: Perspektif Sains Pertanian. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 362-370.
- Siti Nur Izzaty Salit & Norsimah Mat Awal. (2017). Unsur Feminisme dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Linguistik* 21(2): 15-23.
- Sperber, Dan and Wilson, D. (1986). Relevance: communication and cognition.

- Oxford: Basil Blackwell* 3(2): 279 pp.
- Srikandi Saemah Samaon & Mary Fatimah Subet. (2020) . Teori Relevans dalam Pembelajaran KOMSAS. *Borneo International Journal*, 2(4): 47-54.
- Sugiyono. 2016. *Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R&D*. Bandung: PT Alfabet.
- Tangaprabu Murthy & Mary Fatimah Subet. (2018). Imej Tebu dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1): 4-29.
- Tangaprabu Murthy & Mary Fatimah Subet. (2020). Gajah Dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal* 3(2): 134-146.
- Tangaprabu Murthy, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2019). Kajian Semantik Inkuisitif dalam Peribahasa Tamil: Imej Tumbuhan. *Sains Humanika* 11(1): 73–80.
- Zarina Tajuddin dan Anida Saruddin. (2018). Metafora Bunga Kiambang dalam PANTUN Melayu Berdasarkan Teori Relevan dan Rangka Rujuk Silang. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*.